

Berebut jadi imam bukan sifat ulama

17/8/2002

PENDANG 18 Ogos - Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata bukanlah sifat seorang ulama sekiranya mereka berebut-rebut untuk menjadi imam sedangkan sudah ada imam tetap di sesebuah masjid itu.

Menurut beliau, seseorang yang berilmu dalam bidang kragamaan biasanya tidak menunjukkan sikap gelojoh atau menonjolkan diri scorcrti berebut menjadi imam tetapi sebaliknya sentiasa mengalah jika diminta menjadi iman.

Beliau juga kesal kerana masih ada pihak di kalangan parti pembangkang mrnggunakan mimbar masjid sebagai tempat untuk menghentam kerajaan dan memecahkan perpaduan umat.

"Masjid adalah tempat mengukuhkan perpaduan umat Islam selain memberi kesedaran tentang keagamaan, kerajinan bekerja dan menyeru kepada perkara yang menjurus kebaikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa menghadiri program bersama rakyat di Kampung Paya Palas di sini

hari ini. Hadir sama pada majlis itu ialah Ahli Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul.

Abdul Hamid mengulas mengenai tindakan seorang pegawai kanan kerajaan negeri Terengganu yang cuba berebut menjadi imam dan membaca khutbah Jumaat dengan khatib tetap Masjid Kampung Losong Haji Mat Shafie, Kuala Terengganu. kclmarin.

Kcjadian memalukan itu berlaku ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersembahyang Jumaat di masiid itu ketika lawatan seharinya ke negeri itu.

Dibenarkan

Sctelah berlaku kompromi, pegawai kanan bergelar 'datuk' dibenarkan menjadi imam.

Mengenai dakwaan Menteri Besar Kelantan itu bahawa Malaysia bukanlah sebuah nrgara Islam, Abdul Hamid menyatakan, apa yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangunkan rakyat adalah berteraskan ajaran Islam.

"Kita tidak perlu melau-
ngkan slogan Islam untuk

menjadikan negara ini sebuah negara Islam," ujarnya.

Beliau mempersoalkan, apakah usaha kerajaan memakmurkan bumi ini untuk memberikan kesejahteraan hidup kepada rakyat supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah, bukan atas kehendak ajaran Islam.

Abdul Hamid menyifatkan kenyataan Menteri Besar Kelantan itu hanya memperlihatkan kesombongan yang nyata dan tidak mahu mengakui kebenaran yang dibuat oleh kerajaan.

Nik Aziz semasa berceramah di sini malam kclmarin menyatakan pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam hanya seperti mengiklankannya, sedangkan negara ini bukan negara Islam.

Sementara itu, Abdul Hamid mengingatkan umat Islam di negara ini agar tidak terperangkap dengan jerat Pas yang cuba mengheret rakyat agar menyokong mereka dengan mcperalatkan agama Islam.

"Kita tahu masyarakat Islam begitu scnsitif dan menghormati agama dan

sifat ini merunakan ciri-ciri istimewa yang dimiliki oleh orang Melayu," katanya.

Beliau menegaskan bahawa Pas akan mengeksploitasikan isu-isu agama untuk mempengaruhi rakyat supaya mengikut fahaman politik mereka.

Bagaimanapun, beliau yakin, kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya kecil di Parlimen Pendang pada 18 Julai lalu telah memberi kesedaran yang tinggi kepada masyarakat Islam.

Ini kerana, menurut beliau, umat Islam kini dapat membezakan bahawa Pas itu hanya sebuah parti politik biasa seperti juga parti-parti politik yang lain.

"Pas adalah parti politik ciptaan manusia dan tidak ada kaitannya dengan agama Islam," ujar Zainal.